

Harga semua jenis minyak diumum lusa



KUALA LUMPUR, Isnin — Harga baru bagi semua jenis minyak akan diumumkan Khamis ini, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

K a t a n y a, pengumuman ini akan dibuat kepada akhbar sekiranya butir-butir di-siapkan.

Bellau menegaskan, harga baru ini merupakan harga selaras antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. (Harga minyak di kedua negeri itu sekarang lebih tinggi dari di Semenanjung).

Bercakap kepada pemberita sebelum berlepas ke Singapura untuk menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi Asean yang ke-9, Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan:

"Harga minyak di Semenanjung perlu diselaraskan dengan kedua negeri itu kerana adalah tidak adil bagi Sabah dan Sarawak yang mengeluarkan minyak membayar lebih dari di sini."

Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian, bagaimanapun, enggan menerangkan lebih lanjut berapa banyak kenaikan harga minyak kali ini.

Tetapi beliau menegaskan: "Kemungkinan kenaikan harga minyak tetap ada dan jarang sekali kita dapat melihat harganya turun."

Pengumuman harga baru minyak Khamis ini merupakan yang pertama bagi tahun ini. Kerajaan telah pun mengkaji dengan mendalam memorandum syarikat-syarikat minyak yang meminta kelulusan Kerajaan bagi menaikkan harga.

Tahun lalu, Kerajaan meluluskan dua kenaikan harga minyak — dalam bulan Jun dan Ogos.

TEKALAH apa yang dipegang oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, dan Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Datuk Lew Sip Hon.

Itulah sampul yang mengandungi rahsia besar mengenai deraf kenyataan harga baru minyak yang akan diumumkan Khamis ini.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia